

**BAB KEEMPAT**

**AMALAN DOA DAN ZIKIR.**

**SERTA**

**KESANNYA BAGI MASYARAKAT DAERAH BESUT**

## 1. Sebab-sebab doa dan zikir diamalkan

Setiap ibadah yang dilakukan oleh seseorang hamba biasanya mempunyai sebab atau motifnya yang tersendiri, yang berbeza antara seseorang dengan seseorang yang lain, berdasarkan niat dan keinginan masing-masing. Dalam konteks ibadah doa dan zikir juga, terdapat beberapa sebab yang mendorong seseorang itu mengamalkan ibadah berkenaan. Penulis telah cuba mengkaji sejauh manakah tujuan atau sebab yang dikemukakan oleh beberapa orang penduduk yang telah ditemui.

Dalam analisa yang telah dibuat, 90 peratus daripada penduduk yang disoal-selidik, menyatakan bahawa ibadah doa dan zikir ini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan sehari-hari mereka. Mereka kebanyakannya mengatakan bahawa ibadah itu merupakan kebiasaan bagi mereka, yang jika tidak dilakukan, dirasakan seperti tidak sempurna, contohnya doa dan zikir yang dilakukan selepas setiap kali sembahyang lima waktu. 65 peratus pula mengakui bahawa mereka telah diasuh dan diajar dengan kebiasaan berdoa dan berzikir dalam hidup mereka.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Analisa daripada borang soal-selidik yang diedarkan kepada 150 orang penduduk dari berbagai lapisan, di daerah kajian, pada 2hb. September 1989 hingga 5hb Oktober 1989.

Seorang penduduk yang telah ditemui mengatakan bahawa beliau merasakan tidak sempurna melakukan sembahyang jika beliau tidak melakukan ataupun memohon doa dan restu dari Allah s.w.t. selepas setiap kali sembahyang.<sup>2</sup> Beliau juga mengakui bahawa selain dari mendapat keredhaan dari Allah s.w.t., beliau juga dapat menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi, apabila memohon pertolongan dari Allah s.w.t.. Ibadah zikir juga baginya telah dapat memberikan ketenangan di dalam hatinya, lebih-lebih lagi apabila menghadapi satu-satu masalah.<sup>3</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat 6 peratus dari golongan dewasa yang disoal-selidik, mengatakan bahawa ibadah doa dan zikir yang mereka lakukan adalah kerana ikutan semata-mata, iaitu seperti mendahulukan tangan apabila selesai melakukan sembahyang berjemaah ataupun sembahyang Jumaat di surau-surau atau masjid-masjid.<sup>4</sup> Selain dari

---

<sup>2</sup> Wawancara dengan Encik Mat Jusoh bin Mohammad, di kampung Tok Raja, pada 30hb Disember 1989.

<sup>3</sup> ibid.

<sup>4</sup> Analisa dari borang soal-selidik

masa-masa seperti itu, mereka hanyalah bersembahyang sahaja, tanpa merasa perlu dan penting untuk meluangkan masa selepas sembahyang , untuk berdoa san berzikir.

Mereka yang sedemikian adalah mereka yang kebanyakannya datang dari golongan yang tidak mendapat pendidikan agama secara formal, iaitu mereka yang mendapat pendidikan dari sekolah yang bukan aliran agama. Ini tidaklah menghairankan kerana ia mungkin disebabkan oleh kurangnya kefahaman mereka terhadap ibadah doa dan zikir . Mereka lebih banyak diberikan pendedahan dan pendidikan tentang ibadah-ibadah yang lain, seperti sembahyang lima waktu, berpuasa, membayar zakat dan sebagainya. Doa dan zikir bagi mereka adalah ibadah yang tidak termasuk dalam ibadah yang wajib, lalu mereka mengabaikannya.

Seorang penduduk yang telah ditemui, mengakui bahawa beliau

merasakan ibadah doa dan zikir itu hanyalah satu ikutan, yang dilakukan hanya apabila turut serta bersebaliyang Jumaat, sedangkan pada

---

5 Pemerhatian penulis terhadap beberapa orang yang sempat di temui, di daerah Besut.

masa-masa yang lain, beliau tidak mengambil berat langsung tentang ibadah berkenaan. Beliau juga merasakan bahawa orang lain juga sebagaimana beliau, melakukan ibadah doa dan zikir selepas sembahyang itu hanya di masjid atau surau sahaja, sedangkan jika di rumah, mereka tidak mengendahkanya.<sup>6</sup>

Dari beberapa pemerhatian yang telah dibuat, dan juga dari wawancara-wawancara yang sempat dilakukan, penulis dapat membuat satu kesimpulan bahawa ibadah doa dan zikir di kalangan masyarakat Islam di daerah Besut ini, merupakan satu masalah yang kompleks, di mana ia terdapat banyak keadaan, berdasarkan sikap dan juga penerimaan seseorang individu itu sendiri.

Penulis juga telah membuat satu kesimpulan, bahawa terdapat tiga sebab utama mereka melakukan ibadah doa dan zikir ini, iaitu untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t. atau ia sudah menjadi satu kebiasaan yang sukar ditinggalkan, iaitu sudah sebatи dalam diri dan

---

<sup>6</sup> Wawancara penulis dengan salah seorang penduduk daerah Besut, yang mendapat pendidikan agama secara mendatar sahaja.

senang melakukannya atau kerana ikutan semata-mata. Ini dapat dilihat dari jadual yang telah disediakan<sup>7</sup>:-

Peringkat Umur	15 - 19 thn.		20 - 30 thn.		40 - 50 thn.	
Sebab-sebab	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Ingin mencapai keredhaan Allah	18	36 %	-	-	15	30 %
Amalan	30	60 %	47	94 %	35	70 %
Ikutan	2	4 %	3	6 %	-	-

#### JADUAL A : MENUNJUKKAN SEBAB\* SEBAB DOA DAN ZIKIR DIAMALKAN

Walau bagaimanapun, sesuatu yang diluahkan itu, harus juga dilihat dari sudut pendidikan yang diterima oleh seseorang individu, kerana apa yang diamalkan, adalah bergantung rapat dengan corak pendidikan yang telah diperolehi atau juga cara hidup yang mereka alami. Dalam hal ini, penulis telah melakukan pengkajian terhadap setiap lapisan masyarakat, tanpa mengira kedudukan. Dari penyelidikan yang dilakukan, didapati bahawa golongan berpendapatan rendah atau golongan bawahan, mempunyai sebab yang paling baik sekali mereka menunaikan ibadah doa dan zikir ini. Mereka dari golongan ini, menjelaskan

---

<sup>7</sup> Maklumat diperolehi dari borang soal-selidik yang telah diedarkan kepada 150 orang penduduk, di daerah kajian, pada 2hb.Sepember hingga 5hb.Okttober.1989.

bahawa mereka melakukan ibadah ini untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t., juga disebabkan oleh mereka telah dididik dari kecil, untuk mengenal erti kesusahan, oleh itu mereka sentiasa berusaha untuk mendekatkan diri dengan Allah s.w.t., melalui dua ibadah ini.

Selain dari itu, golongan tua ( berusia 40 - 50 tahun ) pula adalah golongan yang mempunyai sebab yang baik mereka melakukan ibadah doa dan zikir ini. Ini diikuti dengan golongan muda ( 15 - 19 tahun ) dan akhir sekali golongan pertengahan ( 20 - 39 tahun ). Ini dapat dilihat dari jadual yang telah disediakan.

Selain dari berdoa, seseorang hamba juga mempunyai beberapa cara lain untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi, juga untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t.. Begitu juga dengan ibadah zikir, di mana seseorang hamba Allah s.w.t. juga boleh mendekatkan dirinya dengan Allah s.w.t. melalui ibadah-ibadah sunat yang lain, seperti sembahyang sunat, berpuasa sunat, membaca al-Qur'an dan sebagainya.

Seorang bekas guru yang sempat ditemui, menjelaskan bahawa beliau juga seringkali melakukan sembahyang sunat hajat sendirian, ji-

ka hendak mengemukakan sesuatu permohonan kepada Allah s.w.t.. Namun begitu, cara berdoa adalah satu cara yang lebih mudah bagi beliau. , mendangkan ibadah itu telah menjadi satu kemestian dalam kehidupan seorangnya. Oleh itu, ibadah itu tidaklah hanya dilakukan pada sesemua itan semata-mata, bahkan sepanjang masa, demi untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t..<sup>8</sup>

Kesimpulannya, walaupun ramai dari kalangan penduduk daerah ini yang mengutamai sebab-sebab tertentu mengapa mereka melakukan ibadah mereka, tetapi masih terdapat beberapa perkara yang tidak seharusnya berlaku dalam kehidupan beribadah masyarakat Islam. Adalah satu hal yang tidak wajar jika seseorang itu melakukan ibadah hanya semata-mata kerana ikutan ataupun kerana malu dengan orang lain sahaja. Itu merupakan satu perbuatan syirik, sepertimana yang telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. melalui firman-Nya :-

قَوْنِيلُ لِلْمُصْكِلِينَ ④ أَلَّذِينَ هُمْ عَنْ حَسَلَانِ فِي سَارُونَ ④  
الَّذِينَ هُمْ يَرْكَأُونَ ⑤ وَيَكْتَفِيُونَ مَاعُونَ .

<sup>8</sup> Wawancara dengan Buah Hajjah Noriah bt. Mohd.Yusof, di Kam-Kerendang, Se-ut, pada 30hb Disember.1989.

<sup>9</sup> Surah al-Mâ'ûn, ayat 4 hingga 7.

Maksudnya: "Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang solat, iaitu orang-orang yang lalai dari solat itu. Orang-orang yang merasa riya', dan enggan menolong dalam perkara-perkara yang berguna."

Sebab beribadah kerana satu kemestian juga bukanlah satu sebab yang boleh dikatakan konkrit, kerana ia boleh mengubah niat yang ada di dalam diri orang yang melakukannya itu. Ia boleh dikatakan baik, selagi tidak mempengaruhi niat ikhlas seseorang itu, iaitu untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t.. Apa yang penting, perlakuan sesuatu ibadah itu hendaklah mempunyai sebab-sebab yang baik dan bukanlah merupakan sebab yang menampakkan kepentingan dunia, tetapi hendaklah menjurus kepada mencapai keredhaan Allah s.w.t..

## 2. Amalan doa dan zikir

### a. Bahasa doa dan zikir

Sebagaimana yang telah dimaklumi, Islam ini amat mudah dan tidak membebangkan pengikutnya dalam melakukan ibadah mereka. Begitu juga halnya dalam ibadah doa dan zikir ini, di mana umat Islam dibolehkan menggunakan apa juga bahasa yang mereka ketahui, untuk

menjemukakan doa mereka kepada Allah s.w.t..

Tentang ibadah zikir, ianya merupakan lafaz-lafaz tertentu yang berasal daripada perkataan Arab, oleh itu, penulis dalam hal ini, lebih menumpukan kepada bahasa yang digunakan dalam berdoa, dan untuk ibadah zikir, penulis melihatnya dari kefahaman orang yang melakukan-nya, terhadap lafaz-lafaz yang diucapkan itu.

Bagi mereka yang berusia dalam lingkungan 15 hingga 19 tahun, 40 peratus daripada mereka yang disoal-selidik mengatakan bahawa mereka menggunakan kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Arab untuk melakukan ibadah doa. 36 peratus pula menggunakan bahasa Malaysia sahaja dan yang selebihnya sebanyak 24 peratus, menggunakan bahasa Arab untuk berdoa kepada Allah s.w.t.. Kebanyakan mereka dari golongan peratusan yang ketiga ini, adalah mereka yang mendapat pendidikan agama di sekolah-sekolah aliran agama, yang mengajarkan bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran wajib. Oleh itu, sudah tentu mereka lebih gemar untuk menggunakan bahasa Arab yang mereka pelajari itu, di dalam amalan doa mereka.

10

Bagi golongan pertengahan pula, 60 peratus dari mereka mengaku menggunakan kedua-dua bahasa Malaysia dan Arab. 20 peratus menggunakan bahasa Malaysia sahaja dan 20 peratus juga menggunakan bahasa Arab sahaja sebagai perantaraan mereka berdoa kepada Allah s.w.t.. Penulis mendapati bahawa, sebahagian besar dari mereka yang menggunakan kedua-dua bahasa Arab dan Malaysia juga adalah terdiri dari mereka yang mendapat pendidikan agama secara formal dan juga pendidikan di pondok-pondok.<sup>11</sup>

Bagi golongan tua pula, hanya 20 peratus dari mereka yang disoal-selidik menyatakan bahawa mereka menggunakan bahasa Arab dan juga bahasa Malaysia untuk berdoa kepada Allah s.w.t.. Sebanyak 20 peratus juga menggunakan bahasa Malaysia dan 60 peratus menggunakan bahasa Arab sahaja sebagai bahasa pengantar mereka dalam berdoa kepada Allah s.w.t.. Kesemua ini dapat dilihat dengan lebih jelas melalui jadual yang telah disediakan<sup>12</sup>:-

---

<sup>11</sup> Maklumat diperolehi dari analisa terhadap borang soal-selidik yang telah diedarkan kepada 150 orang peniuduk daerah kajian, pada 2hb.September hingga 5hb.Okttober.1989.

<sup>12</sup> ibid.

Peringkat Umur	Bhs.M'sia & Bhs.Arab		Bhs.M'sia shj.		Bhs.Arab shj	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
15 - 19 thn.	20	40 %	18	35 %	12	24 %
20 - 30 thn.	30	50 %	10	20 %	10	20 %
40 - 50 thn.	10	20 %	10	20 %	30	60 %

JADUAL 3 : MENUNJUKKAN BAHASA YANG DIGUNAKAN UNTUK BERDOA

Dari penyelidikan yang telah dijalankan, penulis dapat membuat satu kesimpulan bahawa kenyataan ini adalah suatu yang wajar, memandangkan kebanyakkan remaja di daerah Besut ini, mendapat pendidikan yang secukupnya, samada secara formal atau tidak formal. Selain dari itu, kenyataan ini juga dipengaruhi oleh suasana persekitaran daerah ini, di mana penghayatan Islam di kalangan penduduknya adalah memuaskan. Ini adalah berdasarkan kepada emerhatian yang telah dijalankan oleh penulis sepanjang melakukan pengkajian untuk kertas projek ini.

Begitu juga dengan apa yang dapat dilihat terhadap golongan dewasa dan golongan tua di daerah ini, di mana kedua-dua golongan ini masih dapat mengekalkan identiti keagamaan, sehingga ini telah

merupakan pengaruh bahasa yang mereka gunakan dalam berdoa kepada Allah s.w.t.. Golongan muda boleh dikatakan masih ramai yang tetap mendapat pendidikan agama secara formal, melalui banyaknya terdapat sekolah-sekolah agama yang beroperasi di daerah ini. Begitu juga dengan pondok-pondok, di mana tempat pengajian ini, menyediakan atau menetapkan pengajian melalui bahasa Arab, yang telah membolehkan mereka yang mengikutinya, dapat mempraktikkannya, melalui ibadah doa mereka.

Tentang kefahaman mereka terhadap ibadah zikir yang dilakukan, penulis cuba mengetahuinya, juga melalui borang soal-selidik yang telah diedarkan. Ini memandangkan ibadah zikir berlainan sedikit daripada ibadah doa, kerana zikir lebih banyak menggunakan lafaz-lafaz tertentu, di dalam bahasa Arab sahaja.

Bagi golongan tua, penulis mendapati bahawa 56 peratus dari mereka memahami lafaz zikir yang mereka ucapkan itu, manakala sebanyak 44 peratus lagi, tidak memahaminya langsung. Bagi golongan dewasa, setanyak 40 peratus sahaja menyatakan mereka memahami zikir yang mereka sebutkan itu dan 60 peratus lagi tidak memahaminya. Bagi

golongan muda, seramai 72 peratus dari mereka menyatakan memahami zikir yang dilafazkan itu, dan sebanyak 18 peratus tidak memahaminya.<sup>13</sup>

Kenyataan ini boleh dilihat melalui jadual yang disediakan :-

Peringkat Umur	Memaham		Tidak faham	
	Bil.	%	Bil.	%
15 - 19 thn.	36	72 %	14	28 %
20 - 39 thn.	20	40 %	30	60 %
40 - 50 thn.	28	56 %	22	44 %

JADUAL C : MENUNJUKKAN KEFAHAMAN TERHADAP  
ZIKIR YANG DIAMALKAN

Kesimpulan yang boleh dibuat, bahawa masih ramai di kalangan penduduk Islam daerah Besut ini, tidak memahami lafaz yang mereka sebutkan itu. Dalam masalah ini, ianya perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas, di mana bukan semua penduduk daerah Besut ini, mempunyai pengetahuan bahasa Arab yang segerlunya. Oleh hal yang demikian, faham atau tidak fahamnya mereka terhadap lafaz zikir yang disebutkan itu, bukanlah atas alasan bahawa ianya dilakukan sekadar adat semata-mata, tetapi kerana bahasa yang digunakan ialah bahasa Arab, yang tidak difahami maksudnya. Walau bagaimanapun,

<sup>13</sup> Maklumat diperolehi dari borang soal-selidik yang telah diedarkan kepada 150 orang penduduk daerah kajian, pada 2hb.September hingga 5hb.Oktobre.1989.

ma salah ketidak-fahaman terhadap zikir yang dilafazkan itu, perlu diatasi, untuk melahirkan umat Islam yang lebih murni, dalam melakukan ibadat kepada Allah s.w.t., kerana ini juga akan membantu meninggikan lagi "syiar" Islam.

### b. Cara-cara dan adab-adab berdoa dan berzikir

Di dalam Bab Kedua yang lalu, penulis telah menjelaskan bagaimanakah cara-cara dan adab-adab yang harus dijaga ketika melakukan kedua-dua ibadah doa dan zikir. Seterusnya di dalam sub-topik ini, penulis akan cuba mengupas bagaimanakah cara pengamalan doa dan zikir yang dilakukan dalam masyarakat Islam daerah Besut.

Seorang pegawai yang ditemui, menyatakan bahawa beliau tidak begitu arif tentang cara-cara yang harus dilekukan ketika berdoa, tetapi apa yang beliau tahu secara mendatar itu, antaranya ialah berdoa dengan hati yang kinusyuk, disertai dengan keyakinan bahawa Allah s.w.t. akan memberikan balasan ataupun mengabulkan permohonan yang dikemukakan itu. Beliau sentiasa menjaga agar adab itu dilakukan, kerama memikirkan bahawa permintaannya itu akan dimakbulkan Tuhan, ha-

nya dengan cara demikian. Selain dari itu, ketika berdoa secara berjemaah di masjid atau surau, beliau akan mengikuti apa yang dibaca oleh imam dan juga turut mengharapkan kepada Allah s.w.t. agar memperkenankan permintaan mereka semua. Beliau juga mengakui kelebihannya, kerana tidak begitu arif tentang cara-cara lain yang perlu dilakukan untuk mempercepatkan pengabulan doa yang dimintanya. Walau bagaimanapun, beliau tetap melakukan doanya dengan penuh harapan agar ianya diperkenankan oleh Allah s.w.t..<sup>14</sup>

Mengenai ibadah zikir pula, beliau melakukannya dengan mencuba sedaya upaya agar hatinya tidak lalai ketika melakukannya. Selain dari itu, beliau juga mengetahui bahawa salah satu cara yang perlu dilakukan ialah menjaga suara agar tidak terlalu tinggi atau terlalu rendah.<sup>15</sup>

Seorang lagi penduduk yang ditemui, menyatakan bahawa beliau tidak begitu banyak mengetahui tentang adab dan cara yang patut di

<sup>14</sup> Wawancara, dengan Encik Ghazali bin Endut, di Pejabat Dادرسah Besut, pada 5hb.Jun.1989.

<sup>15</sup> ibid.

jaga . Beliau hanya melakukan ibadah doa dan zikir dengan penuh ke-yakinan, menyebut puji-pujian kepada Allah s.w.t., menadahkan tangan ketika berdoa dan berdoa dengan suara yang sederhana sahaja, tidak kedengaran dengan jelas. Walau bagaimanapun, beliau tetap menjaga beberapa adab yang diketahui itu, walaupun tidak mengetahui lebih banyak dan ditil tentang adab-adab dan cara-cara yang lain.<sup>16</sup>

Seorang suri mrah pula, merasakan bahawa ibadah doa dan zikir yang dilakukannya, mengikut adab yang sepatutnya, kerana beliau akan memulakan doanya dengan pujian kepada Allah s.w.t., menadahkan tangan ketika berdoa dan lain-lain amalan seperti bersembahyang sunat sebelum dan selepas berdoa.<sup>17</sup>

Penduduk lain yang ditemui, menyatakan bahawa beliau mencuba dengan sedaya upaya untuk khusyuk ketika berdoa atau berzikir, dan juga yakin bahawa ianya akan diterima Allah s.w.t.. Selain dari itu, adab yang dijaganya ialah berwuduk sebelum memohon doa, seperti

<sup>16</sup> Wawancara, dengan Encik Wan Ahmad bin Wan Jusoh, di kampong Jawek,Besut,pada 30hb.Disember.1989.

<sup>17</sup> Wawancara, dengan Puan Mariam bt. Muhammad, di kampong Jawek,Besut, pada 7hb.Jun.1989.

sebelum dan selepas sembahyang, selepas membaca al-Qur'an dan sebagainya lagi.

18

Seorang lagi penduduk yang diwawancara mengatakan bahawa adab dan cara yang selalu diberikan perhatian ialah berwuduk terlebih dahulu, berdoa dengan penuh yakin, suara tidak tinggi, berdoa hanya perkara baik sahaja, mengulangi sebanyak tiga kali dan lain-lain lagi. Beliau menyatakan rasa puas hatinya kerana dapat merasakan kesan yang sukar untuk digambarkan apabila satussatu permohonannya dikabulkan oleh Allah s.w.t.. Dengan itu juga, perasaan rendah diri kepada Allah s.w.t. semakin kuat dan mendalam.<sup>19</sup>

Selain dari wawancara-wawancara yang dijalankan, penulis juga sempat meninjau ke beberapa buah surau dan masjid di daerah ini, dan mensapati bahawa keseluruhan masyarakat Islam di daerah ini, mengamalkan cara-cara berdoa dan berzikir dengan betul, serta tidak ada

18

Wawancara dengan Puan Hajah Noriah bt.Mohd.Yusof, di kampong Tanah Merah, Besut, pada 30hb.Disember.1989.

19Wawancara dengan Encik Sulaiman @ Mohamad bin Yusof, di kampong Gong Kemuntong,Besut, pada 7hb.Jun.1989.

yang melanggar adab dan kesopanan berdoa dan berzikir. Penulis juga melihat bagaimana mereka melakukan doa dan zikir selepas sembahyang berjemaah, secara berjemaah kesemuanya.<sup>20</sup>

Kesimpulan tentang adab dan cara berdoa dan berzikir yang dilakukan oleh kebanyakan penduduk daerah Besut adalah memuaskan, dimana mereka secara umumnya telah dapat memahami prinsip doa dan zikir itu, dan sentiasa menjaga adab dan cara yang sepatutnya dilakukan. Walaupun begitu, masih terdapat di kalangan sesetengah penduduk daerah Besut, yang tidak mengambil berat tentang adab dan cara yang harus dijaga ketika melakukan ibadah doa, juga zikir. Mereka, kadang-kala melakukannya sewenang-wenangnya sahaja, tanpa memikirkan dan menitik-berackan masalah adab dan cara yang baik dalam melakukannya. Apa yang dilakukan hanyalah sekadar menadahkan tangan dan memo-hon apa yang diingini, tanpa menjaga adab dan caranya.

### 3. Keberkesanan ibadah doa dan zikir

Amalan yang dilakukan untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t.

---

<sup>20</sup> Pemerhatian penulis di daerah kajian.

... akan memperlihatkan kesan-kesan yang tertentu. Begitu juga dengan ibadah doa dan zikir, yang mempunyai banyak kelebihan dan ketamaannya yang tersendiri. Keberkesanannya dapat dirasakan oleh mereka yang mengamalkannya. Ini memandangkan kedua-dua ibadah doa dan zikir ini adalah amalan lahir dan batin, yang dapat menjalinkan hubungan antara seorang hamba dengan Allah s.w.t..

Sebagaimana yang telah penulis jelaskan di dalam Bab Kedua yang lalu, kedua-dua ibadah ini mempunyai banyak fadhilatnya kepada orang yang mengamalkannya. Fadhilat itu dapat dirasakan oleh orang yang mengamalkannya.

Dari tinjauan yang telah dijalankan, penulis mendapati bahwa kedua-dua ibadah doa dan zikir berkesan dalam kehidupan masyarakat Islam di daerah Besut, khususnya bagi mereka yang berterusan dalam mengamalkan kedua-dua bentuk ibadah ini. Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t.: -

تَخْلُقُوا مِمَّا رَأَيْتُمْ فِي الْأَرْضِ وَلَا تُخْرِجُوهُمْ  
فِيهَا مَا أَنْشَطَهُ إِنَّ أَنفُسَكُمْ وَلَكُمْ فِيهَا مَا نَدَّعُونَ إِنَّمَا لِقَنْ عَفْوُرَ رَحْمَةٍ.  
<sup>21</sup>

<sup>21</sup> Surah Fussilat, ayat 30 & 31.

Maksudnya: "Kamilah pelindung-pelindung kamu dalam kehidupan dunia dan akhirat, di dalamnya kamu memperolehi apa yang kamu inginkan dan memperolehi pula apa yang kamu minta, sebagai hidangan dari Tuhanmu Yang Maha Pengampun dan Penyayang."

Dari ayat di atas, jelaslah bahawa Allah s.w.t. sentiasa memberikan balasan yang setimpal terhadap segala apa yang dilakukan oleh hamba-Nya.

Encik Zali @ Nawi bin Mat Ali, melahirkan rasa puashatinya dan kesyukurannya, kerana amalan doa dan zikir yang dilakukannya, mendatangkan kesan yang baik dalam dirinya. Selain dari mendapat ketenangan jiwa dan hati, banyak juga masalah yang dihadapi oleh beliau, dapat diselesaikan apabila melanjatkan doa yang bersungguh-sungguh kepada Allah s.w.t.. Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahwa amalan doa dan zikir itu biasanya berkesan jika disertai dengan niat yang suci dan ikhlas. Semantara itu, amalan doa pula, perlu disertai dengan usaha yang dilakukan, untuk mencapai apa yang dicita-

citakan itu.<sup>22</sup>

<sup>22</sup> Wawancara, dengan Encik Zali @ Nawi bin Mat Ali, di Pejabat Kadhi Daerah Besut, pada 6hb.Jun.1989.

Pendapat yang sama juga diutarakan oleh Ustaz Ambak bin Ismail, yang menyatakan bahawa ibadah doa dan zikir mendatangkan kesan yang mendalam pada diri mereka yang mengamalkannya. Beliau, yang sentiasa mengamalkan kedua-dua ibadah ini, menyuarakan ketenangan hati dan kedaiamannya, samada ketika melakukan kedua-dua ibadah berkenaan, ataupun selepas melakukannya.<sup>23</sup>

Sebagai seorang guru agama yang berpengalaman, beliau juga menyatakan bahawa berkesan atau tidaknya ibadah doa dan zikir itu, banyak bergantung kepada adab dan cara melakukannya, serta juga niat orang yang melakukannya.<sup>24</sup>

Beliau juga tidak menafikan bahawa kesan batin dapat dirasakan oleh orang yang mengamalkannya. Selain dari itu, kesan yang paling penting bagi ibadah doa pula ialah sesuatu masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dan hajat yang dicita-citakan, dapat diperolehi. Walau bagaimanapun, perlu diingat, bahawa kenyakbulan doa itu bergantung pula kepada bagaimana ianya hendak dilakukan, mengikut

---

<sup>23</sup> Wawancara, dengan Ustaz Ambak bin Ismail, di kampung Jawek, Besut, pada 9hb.Okttober.1989.

<sup>24</sup> ibid.

apa yang dikehendaki oleh-Nya, seperti yang telah penulis terangkan di dalam Bab Kedua yang lalu.

Sementara itu, dari borang soal-selidik yang telah penulis edarkan, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa keseluruhan masyarakat Islam di daerah Besut, dapat merasakan kesan yang sepatutnya dari ibadah doa dan zikir yang mereka amalkan.

Bagi golongan tua (40 - 50 tahun), 80 peratus daripada mereka menyatakan bahawa ibadah ini amat berkesan di dalam kehidupan mereka. 10 peratus menyatakan ianya kurang berkesan dan hanya 4 peratus merasakan bahawa ianya tidak berkesan.<sup>25</sup>

Bagi golongan pertengahan (20 - 39 tahun), 60 peratus daripada mereka mengatakan ianya amat berkesan. 10 peratus mengatakan kurang berkesan, 6 peratus mengatakan tidak berkesan dan selebihnya sebanyak 4 peratus, tidak pasti tentang berkesan atau tidaknya amalan yang mereka lakukan itu.<sup>26</sup>

---

<sup>25</sup> Analisa dari borang soal-selidik

<sup>26</sup> ibid.

Di peringkat golongan muda ( 15 - 19 tahun ), 50 peratus menyatakan bahawa ibadah doa dan zikir amat berkesan dalam kehidupan mereka. 10 peratus mengatakan bahawa ia hanya kurang berkesan, sementara 18 peratus mengatakan tidak berkesan. 22 peratus lagi adalah mereka yang tidak pasti tentang keberkesanannya kedua-dua ibadah berkenaan. <sup>27</sup>

Ini dapat dilihat dari jadual berikut :-

Peringkat Umur	Berkesan		Kurang Berkesan		Tidak Berkesan		Tidak Pasti	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
15 - 19 thn.	25	50 %	5	10 %	9	18 %	11	22 %
20 - 39 thn.	30	60 %	5	10 %	3	6 %	2	4 %
40 - 50 thn.	40	80 %	5	10 %	2	4 %	3	6 %

#### JADUAL D : MENJUNJUKKAN KEBERKESANAN AMALAN DOA DAN ZIKIR

Secara keseluruhannya, penulis membuat kesimpulan bahawa kesan yang dapat dirasai oleh pengamal doa dan zikir itu, dipengaruhi juga oleh sebab-sebab yang mendorongnya untuk mengamalkan kedua-dua ibadah berkenaan. Kesedaran yang dirasai itu semakin sentiasa menjadi pendorong utama untuk seseorang itu, terus melakukan kedua-dua ibadah doa dan zikir i.r.i. Bagi mereka yang tidak pasti terhadap keberkesanannya ibadah .

doa dan zikir yang mereka amalkan itu, mereka juga tidak mempunyai sebal yang pasti, kenapa mereka melakukannya, ataupun melakukannya hanya kerana adat atau ikutan semata-mata. Oleh itu, mereka yang sebegini, hanya pada zahirnya sahaja kelihatan melakukan ibadah doa dan zikir, tetapi hati mereka masih lagi lalai, tidak tertumpu sepenuhnya kepada ibadah yang dilakukan.

Kesimpulannya, keberkesanan yang dirasai daripada ibadah doa dan zikir ini, adalah satu perkara yang hanya dapat ditentukan oleh mereka yang mengamalkannya, dengan syarat-syarat yang sepatutnya, serta cara dan adab yang sepatutnya dan betul. Kesan yang dapat dirasakan itu, antaranya dapat mengubah sikap orang yang melakukannya itu, termasuk sentiasa jauh daripada perkara-perkara maksiat, makanan dan pakaian yang haram dan seumpamanya lagi. Dalam mana-mana masyarakat sekalipun, keberkesanan ini bergantung kepada faktor-faktor tersebut, begitu juga ya ng berlaku dalam masyarakat Islam di daerah Sesut.

#### 4. Kepentingan ibadah doa dan zikir

Sesuatu ibadah yang telah disyariatkan oleh Allah s.w.t. ke atas hamba-Nya, mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Ia juga ada kepentingannya terhadap hidup sekelian umat manusia. Ibadah doa dan zikir juga demikian, di mana kepentingannya tidak dapat dinasikan, samada dari segi jasmani ataupun dari segi rohaninya. Kenyataan ini telah diakui oleh kebanyakan penduduk di daerah Besut, yang sempat penulis temui.

Pegawai Penerangan Agama Daerah Besut, secara peribadi mengaku bahwa kedua-dua ibadah doa dan zikir adalah satu rangkaian ibadah yang penting kepada mereka yang memahami dan mengerti tentang kepentingannya. Ibadah doa menurut beliau, merupakan satu cara untuk memohon pertolongan dari Allah s.w.t., selain dari melakukan usaha-usaha lain, yang patut dilakukan oleh seorang hamba. Menurutnya lagi, doa juga memberi peluang untuk hamba Allah dalam mendekatkan diri kepada Allah s.w.t., melalui cara yang paling mudah. Oleh itu, bagi beliau, ibadah doa ini amat penting kepada seluruh umat Islam. Beliau juga dengan ibadah zikir, yang menurut beliau tidak kurang pentingnya berbanding dengan ibadah-ibadah lain, yang seharusnya

diberikan perhatian yang lebih besar oleh kebanyakan muslimin.<sup>28</sup>

Seorang lagi pentadbir agama yang sempat ditemui, menegaskan bahawa ibadah doa dan zikir amat penting dalam kehidupan masyarakat Islam, kerana ibadah-ibadah wajib yang lain, akan dapat dilakukan dengan lebih khusuk dan "tawādū'", apabila seseorang sentiasa berzikir kepada Allah s.w.t.. Beliau berpendapat ibadah doa dan zikir dapat mempengaruhi jiwa seseorang, menjadikannya lebih tenang dan suci, serta sabar menempuh dugaan dan masalah dalam hidup yang penuh cabaran ini. Jika doa dilakukan untuk kepentingan mencapai keredhaan-Nya dan juga memohon pertolongan dari-Nya, maka demikian juga dengan ibadah zikir, yang bagi beliau, adalah jalan yang paling mudah untuk seseorang hamba Allah mendekatkan diri dengan-Nya.<sup>29</sup>

Beliau juga menyatakan kekesalannya kerana masih terdapat rasa di kalangan umat Islam yang memandang remeh terhadap kedua-dua

<sup>28</sup> Wawancara, dengan Encik Zali @ Nawi bin Mat Ali

<sup>29</sup> Wawancara, dengan Encik Ambak bin Ismail

bentuk ibadah ini dalam kehidupan mereka, dan menganggap bahawa ibadah doa dan zikir itu perlu dilakukan hanya ketika terdesak sahaja.<sup>30</sup>

Seorang penduduk yang ditemui, menyatakan pendapatnya, bahawa ibadah doa dan zikir itu, bukan sahaja penting dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh beliau, tetapi ia juga dapat mendatangkan satu perasaan yang sukar untuk digambarkan. Hatinya merasa tenang, walaupun tidak semua masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan segera dan bukan semua hajat yang diingini dapat dipenuhi.. Beliau merasakan kedua-dua ibadah ini penting untuk menjalinkan hubungan yang dekat kepada Allah s.w.t., sebagai seorang hamza Allah yang taat dan patuh kepada-Nya.<sup>31</sup>

Sementara itu, seorang suri rumah yang penulis temui, menyatakan bahawa ibadah doa dan zikir itu sentiasa diamalkannya, kerana kedua-duanya, khasnya ibadah doa, membuatkan dirinya sentiasa mengingati Allah s.w.t., di samping dapat meningkatkan keimannya. Be-

<sup>30</sup> ibid.

<sup>31</sup> Wawancara, dengan Encik Wan Ahmad bin Wan Jusoh, di kampung Tembila, Besut, pada 7hb, Jun. 1989.

lisu tidak menafikan bahawa ibadah doa dan zikir amat penting dalam kehidupan umat Islam yang sebenarnya, kerana ibadah itu, dapat memberikan jiwa yang keras, secara beransur-ansur dan dapat menghilangkan sifat-sifat keji yang ada dalam diri seseorang.<sup>32</sup>

Seorang lagi penduduk yang sempat ditemui, juga menyatakan bahawa ibadah doa dan zikir amat penting dalam kehidupannya, lebih-lebih lagi apabila doa atau permohonan yang dikemukakan itu, dimakbulkan oleh Allah s.w.t.; kerana doa sahaja yang dapat mengubah qadha dan qadar yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t.. Zikir pula pada panjangannya, dapat memberikan ketenangan jiwa, di samping mendapat pahala yang berlipat-ganda, dengan hanya mengingati Allah s.w.t., melaini hati dan lisan.<sup>33</sup>

Pendapat yang lain pula menyatakan bahawa ibadah doa dan zikir itu sentiasa penting untuk diamalkan, kerana kedua-duanya, khasnya ibadah doa, kerap ianya merupakan satu tahap yang perlu dilalui

<sup>32</sup> Wawancara, dengan Puan Kasiariah bt.Hassan, di kampung Jawek, Besut, pada 30hb.Disember.1989.

<sup>33</sup> Wawancara, dengan Encik Mat Jusoh bin Mohammad, di kampung Pek Raja, Besut, pada 30.hb.Disember.1989.

seorang hamba Allah, sebelum bertawakal kepada Allah s.w.t., dalam satu-satu usaha yang dilakukan. Doa juga dapat menjadikan orang yang mengamalkannya, sentiasa bersabar menempuh sebarang cabaran dan masalah. Oleh yang demikian, doa dan zikir ternyata amat penting dan mustahak dalam kehidupan masyarakat Islam, yang benar-benar mengharapkan keredhaan Allah s.w.t..<sup>34</sup>

Dari wawancara-wawancara yang telah dijalankan, penulis dapat membuktikan kesimpulan bahawa ibadah doa dan zikir mempunyai kepentingan yang tersendiri di kalangan masyarakat Islam di daerah Besut. Mereka tidak sahejs memandang kedua-dua ibadah berkenaan sebagai satu usaha untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi, tetapi juga sebagai satu amalan ikhlas mereka untuk mencapai keredhaan Allah s.w.t.. Ini ialah sikap yang patut diambil oleh setiap hamba muslim, dalam usaha melahirkan umat Islam yang harmoni dan sebenarnya.

Dari beberapa perhatian yang penulis lakukan, penulis dapat melihat dengan jelas di mana ibadah doa dan zikir ini, amat penting dalam kehidupan masyarakat Islam di daerah Besut ini. Doa dan zikir

---

<sup>34</sup> Wawancara dengan Encik Hassan bin Jusoh, di kampung Jawek, Besut, pada 30hb Disember 1969.

selepas setiap kali sembahyang lima waktu, merupakan satu kemestian yang dilakukan dan diamalkan, khususnya di surau-surau dan masjid-masjid. Penulis tidak menganggap apa yang dilakukan itu hanya sebagai satu adat sahaja, kerana penulis dapat menyaksikan bagaimana mereka melakukannya dengan cara dan adab yang teratur dan tertentu, lebih-lebih lagi secara berjemaah.<sup>35</sup>

Selain dari itu, amalan mengadakan kenduri doa selamat, merupakan satu fenomena yang biasa dilihat di daerah Besut ini, iaitu seperti doa selamat meraikan kejayaan dalam satu-satu perkara, mendoakan keberangkatan ke tanah suci Mekkah, meraikan kepulangan orang yang lama ditemui dan sebagainya lagi. Ringkasnya, amalan mengadakan kenduri doa selamat adalah satu hal yang telah biasa dilakukan oleh masyarakat Islam di daerah Besut. Ini menampakkan bahawa mereka memandang berat terhadap amalan doa dan zikir, sebagai satu amalan yang penting dalam kehidupan mereka.

Walau bagaimanapun, penulis tidak menafikan, bahawa masih terdapat di kalangan penganut Islam di daerah ini, yang beranggapan bah-

---

<sup>35</sup> Pemerhatian penulis di daerah kajian.

hawa ibadah doa dan zikir ini, hanyalah perlu dilakukan dan diamalkan oleh golongan tua, yang sudah hampir menemui ajalnya. Mereka ini kebanyakannya dari golongan muda, yang bersikap "enjoy" se lagi usia masih muda dan badan masih sihat. Tetapi, apabila menghadapi sebarang masalah, mereka mulai terkial-kial mencari bantuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Ini disebabkan oleh banyak sebab dan di antaranya ialah kurangnya kesedaran tentang pentingnya beramal-ibadah kepada Allah s.w.t..<sup>36</sup>

## 5. Kesinambungan amalan berdoa dan berzikir

Dalam membincarakan sub-tppik ini, penulis tertarik dengan sebuah hadith Rasulullah s.a.w. yang berbunyi :-

<sup>37</sup> بلغوا عني ولو آية

Maksudnya: "Sampaikanlah dari aku, walaupun satu ayat"

Demikian juga dengan firman Allah s.w.t. yang mengatakan :-

<sup>38</sup> وَمَن يَكُمْهَا فَإِنَّهُ عَارِضٌ قَلْبِي...  
...وَمَن يَكُمْهَا فَإِنَّهُ عَارِضٌ قَلْبِي...

<sup>36</sup> ibid.

<sup>37</sup> Muhammad Abdullah bin Abdul Rahman bin Al-Fadlu bin Behram al-Darami, Sunan al-Darami - Muqadimah, Cagri Yayınlari, Istanbul, 1981, hal. 136.

<sup>38</sup> Surah al-Baqarah, ayat 283.

Maksudnya:"Dan barangsiapa yang menyembunyikan (ilmunya) maka dia akan merasa berdosa di dalam hatinya..!!

Ayat dan hadith tersebut telah mendorong penulis untuk mengkaji sejauh manakah kesinambungan amalan ini berlaku di kalangan masyarakat Islam di daerah Besut, kerana sesuatu yang dilakukan itu, jika tidak diteruskan amalannya, akan hilang begitu sahaja. Sehubungan dengan itu, penulis telah melakukan penyelidikan<sup>38</sup> untuk mengetahui sejauh manakah kesinambungan amalan kedua-dua ibadah ini berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam daerah Besut.

Oleh itu, penulis telah mengadakan wawancara dengan beberapa orang penduduk tempatan, untuk tujuan tersebut. Antara pihak ibu bapa yang telah ditemui ialah Encik Wan Ahmad bin Wan Su, yang menyatakan bahawa beliau sentiasa mempastikan anak-anaknya memperolehi ilmu agama yang secukupnya, termasuk juga doa dan zikir yang diketahuinya.<sup>39</sup> Beliau juga mempastikan anak-anaknya menghafal doa dan zikir

---

<sup>39</sup> Wawancara, dengan Encik Wan Ahmad bin Wan Su, di kampung Jamek, Besut, pada 30hb.Disember.1989.

yang diajarkannya, di samping mengetahui makna yang terkandung di sebaliknya. Menurut beliau lagi, ajarannya itu mendapat tindak-balas yang baik kerana ianya diamalkan oleh anak-anaknya.<sup>40</sup>

Begini juga halnya yang berlaku kepada Puan Hajjah Noriah bt.

Mohd.Yusof, yang sentiasa meluangkan masa selepas sembahyang untuk mengajarkan doa dan zikir yang diketahuinya, kepada anak-anaknya.

Walaupun beliau mengetahui bahawa anak-anaknya juga mendapat pelajaran agama di sekolah masing-masing, namun beliau tetap berusaha, agar anak-anaknya dapat mengingati beberapa doa dan zikir yang tertentu, demi untuk kesejahteraan hidup mereka. Beliau juga mengajar tentang makna yang terkandung di dalam doa dan zikir yang berkenaan, dan menyuruh anak-anaknya menghafalnya serta mengamalkannya dalam kehidupan mereka.<sup>41</sup> Inilah antara peranan yang harus dimainkan oleh para ibu bapa, dalam membina generasi Islam yang kuat dan utuh , di sepanjang masa dan tempat.

Dari soal-selidik yang telah dijalankan, menunjukkan peratusan

---

40 ibid.

41 Wawancara, dengan Puan Hajjah Noriah bt.Mohd.Yusof.

yang memuaskan, di mana kebanyakan penduduk di daerah ini, diajar tentang ibadah doa dan zikir ini.

Bagi golongan berusia 15 hingga 19 tahun, 96 peratus dari kesemua yang disoal-selidik, mengakui bahawa mereka diajar tentang kedua-dua ibadah ini. 4 peratus yang lain mengakui bahawa mereka tidak diajarkan mengenainya.<sup>42</sup>

Bagi yang berusia 21 hingga 39 tahun, 96 peratus mengakui yang mereka diajar tentang berdoa dan berzikir, sementara hanya 4 peratus juga mengatakan bahawa mereka tidak diajar mengenai kedua-dua ibadah ini.<sup>43</sup>

Bagi golongan tua. (40 hingga 50 tahun) pula, 96 peratus mengakui bahawa mereka diajar tentang ibadah doa dan zikir ini, dan hanya 2 peratus sahaja yang mengatakan bahawa mereka tidak diajar melakukan demikian. Kenyataan ini dapat dilihat dari jadual yang disediakan.

---

<sup>42</sup> Analisa borang soal-selidik

<sup>43</sup> ibid.

Peringkat Umur	Diajar		Tidak diajar	
	Bil.	%	Bil.	%
15 - 19 thn.	48	95 %	2	4 %
20 - 39 thn.	48	95 %	2	4 %
40 - 50 thn.	49	98 %	1	2 %

JADUAL E : MENUNJUKKAN PERATUS PENGAJARAN TENTANG  
IBADAH DOA DAN ZIKIR

Kesimpulan yang dapat dibuat dari soal-selidik ini, jelas menunjukkan bahawa ibu bapa di daerah ini mengambil berat tentang ibadah doa dan zikir ini, kerana mereka memberikan perhatian, dengan mengajarkannya kepada anak-anak mereka. Ini merupakan satu perkembangan yang baik, yang sepatutnya dikekalkan di kalangan sekalian umat Islam, bukan sahaja di daerah Besut, tetapi juga di lain-lain tempat. Semoga sikap begini akan menjadi pendorong untuk melahirkan generasi muslim yang bertaqwa dan dapat menghayati kehendak-kehendak Islam yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, apa yang dilakukan itu, hendaklah berlandaskan kepada cara-cara yang telah dianjurkan oleh agama Islam, untuk mendapat kesan yang lebih cemerlang.